

WASATIYYAH TONGGAK KESATUAN UMMAH

Oleh: Ustaz Najion Jamil

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

وَكَذَلِكَ جَعَلْنَاكُمْ أُمَّةً وَسَطًا لِتَكُونُوا شُهَدَاءَ عَلَى النَّاسِ وَيَكُونَ الرَّسُولُ عَلَيْكُمْ شَهِيدًا
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ
وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى الْهَادِي الْبَشِيرِ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ
اهْتَدَى بِهَدَاهُمْ عَلَى الدَّوَامِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

JEMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH!

Sama-samalah kita raikan kehadiran tahun baru 1434H ini dengan mempersembahkan tahmid dan syukur sebanyak-banyaknya ke hadrat Ilahi Rabbi dengan meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada-Nya, semoga kita tergolong orang yang bertakwa, iaitu orang yang akan beroleh kemuliaan dan kejayaan di sisi Allah SWT. Firman Allah:

يَتَأْتِيهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا ۗ إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتَقْوَاهُ ۗ
إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ﴿١٣﴾

Maksudnya: "Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan suku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih takwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam Pengetahuan-Nya (akan keadaan dan amalan kamu)." (S. Al-Hujurat: 13).

JEMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH!

Melangkah masuk ke tahun baru hijrah bererti usia kita semakin meningkat tetapi jangka hayat kita di dunia ini semakin berkurangan pula. Fakta ini bukan sahaja perlu kita sedari dan insafi bersama, bahkan harus disusuli dengan amal serta usaha yang berlipat ganda selaras dengan tuntutan: "beramallah kamu untuk akhirat kamu sebanyak-banyaknya seolah-olah kamu akan mati esok hari; dan berusaha untuk dunia kamu seolah-olah kamu akan hidup selama-lamanya". Langkah ini bersesuaian dengan saranan Allah SWT:

وَأَبْتَغِ فِيمَا آتَاكَ اللَّهُ الدَّارَ الْآخِرَةَ وَلَا تَنْسَ نَصِيبَكَ مِنَ الدُّنْيَا وَأَحْسِنَ كَمَا أَحْسَنَ اللَّهُ إِلَيْكَ
 وَلَا تَبْغِ الْفَسَادَ فِي الْأَرْضِ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْمُفْسِدِينَ

Yang bermaksud: “Dan tuntutlah dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah kepadamu akan pahala dan kebahagiaan hari akhirat dan janganlah engkau melupakan bahagianmu (keperluan dan bekalanmu) dari dunia; dan berbuat baiklah (kepada hamba-hamba Allah) yang berbuat baik kepadamu (dengan pemberian nikmat-Nya yang melimpah-limpah); dan janganlah engkau melakukan kerosakan di muka bumi; sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang yang berbuat kerosakan.” (S. Al-Qasas: 77).

Menyentuh firman Allah ini, Tafsir Pimpinan Ar-Rahman menjelaskan bahawa manusia perlu berusaha mencari dengan harta kekayaan yang telah dilimpahkan Allah Taala dengan mengerjakan amal kebajikan yang mendatangkan pahala dan membawa keselamatan dan kebahagiaan pada hari akhirat kelak. Manusia juga dikehendaki supaya tidak melupakan bahagiannya dalam dunia untuk merasai kesenangannya yang halal sebelum dapat menikmati kesenangan yang kekal di akhirat. Pada masa sama, manusia juga dituntut supaya membantu orang yang memerlukan bantuan dengan perantaraan harta kekayaan dan pangkat serta pengaruh yang dikurniakan Allah kepadanya di samping menghindar diri daripada melakukan sesuatu yang merosakkan masyarakat. Sesungguhnya Allah amat murka kepada orang yang melakukan kerosakan di muka bumi.

Dengan hal yang demikian, ayat 77 surah al-Qasas ini bukan sahaja menganjurkan manusia terutama sekali umat Islam supaya tahu dan bijak dalam memenuhi tuntutan kehidupan ukhrawi dan duniawi, malahan kita juga dituntut supaya tidak melakukan sesuatu yang boleh mendatangkan kerosakan serta mudarat kepada kehidupan di muka bumi ini. Ini menunjukkan bahawa risalah Islam yang dibawa dan diajarkan oleh Nabi SAW adalah agama serta cara hidup yang menyeluruh sifatnya dan mementingkan kesederhanaan dalam segala aspek kehidupan. Sifat sederhana ini mencerminkan kemurnian iman dan kesyukuran kepada Allah atas limpah nikmat kurnia-Nya yang tidak terhitung banyaknya itu.

JEMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH!

Di dalam al-Quran, Allah menggambarkan umat Islam sebagai “Ummatan wasatan”, yakni satu umat pilihan lagi adil. Firman Allah:

وَكَذَلِكَ جَعَلْنَاكُمْ أُمَّةً وَسَطًا لِتَكُونُوا شُهَدَاءَ عَلَى النَّاسِ وَيَكُونَ الرَّسُولُ عَلَيْكُمْ شَهِيدًا ...

Yang bermaksud: “Dan demikianlah (sebagaimana Kami telah memimpin ke jalan yang lurus), Kami jadikan kamu (wahai umat Muhammad) satu umat pilihan lagi adil, supaya kamu layak menjadi orang yang memberi keterangan kepada umat manusia (tentang yang benar dan yang salah),...” (S. Al-Baqarah: 143).

Menurut Tafsir Pimpinan Ar-Rahman, umat pilihan lagi adil juga bermakna umat pertengahan, yakni pertengahan segala pembawaannya, tidak melampau dan tidak keterlaluan, dalam menganut kepercayaannya, demikian juga akhlak dan amalannya, segala-galanya berkeadaan di tengah-tengah – sama-sama dipandang, dipelajari dan diusahakan meliputi soal-soal dunia dan akhirat. Tiap-tiap orang yang berdiri di tengah-tengah dengan mengambil tahu secara mendalam dan memandang berat kepada perkara-perkara yang berlaku di sekelilingnya, maka pertimbangannya serta pengetahuannya mengenai baik buruknya perkara-perkara itu, adalah adil, benar dan sah.

Justeru, Ummatan wasatan merujuk kepada umat yang sederhana, adil, tidak berat sebelah dalam hal dunia dan akhirat serta berimbang dalam seluruh aspek kehidupan. Ini merupakan antara ciri kesempurnaan dan kesyumulan yang diutarakan oleh Islam bagi mengimbangi tuntutan dunia dan akhirat sekali gus menangani masalah ummah.

Keseimbangan dan kesederhanaan dalam urusan berkenaan berupaya mewujudkan perpaduan dan keharmonian hidup, seterusnya mempunyai impak serta kesan dalam menentukan kejayaan individu, keluarga, masyarakat dan negara. Dengan kata lain, konsep wasatiyyah merupakan asas serta mekanisme bagi memelihara kesatuan ummah di samping mewujudkan persefahaman antara agama dan budaya yang berlainan demi perpaduan nasional.

JEMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH!

Sejarah pemerintahan Nabi Muhammad SAW menyaksikan bahawa dalam setiap aspek sama ada dakwah, pentadbiran negara, kehakiman, hubungan diplomatik mahupun amalan adat resam dan kebudayaan, Baginda tidak menunjukkan sikap berat sebelah, melampau atau ekstrem. Pendekatan yang diambil serta dilaksanakan oleh Nabi SAW adalah pendekatan wasatiyyah atau jalan tengah kerana hanya dengan jalan ini Islam dapat diterima oleh semua pihak tanpa mengira kaum, suku kaum, kabilah dan sebagainya. Natijahnya, kesatuan ummah dan perpaduan masyarakat berbilang kaum dan kepercayaan dapat ditegakkan di Madinah sesudah hijrah Nabi SAW dan para sahabat dari Mekah ke Madinah.

Antara perkara yang mendapat rahmat dari amalan serta sikap kesederhanaan Nabi SAW termasuklah penggubalan piagam Madinah dan perjanjian Hudhaibiyah. Di bawah Piagam Madinah misalnya, masyarakat bukan Islam yang terdiri daripada tiga kaum utama Yahudi di Madinah iaitu bani Nadhir, Qainuqa' dan Quraizah diberi perlindungan serta kebenaran mengamalkan kepercayaan masing-masing selagi mereka menerima, mematuhi dan menghormati Piagam Madinah. Hikmahnya adalah untuk memastikan masyarakat Islam, Yahudi dan juga golongan Munafik yang mendiami bumi Madinah dapat hidup aman dan sejahtera di bawah pemerintahan Islam.

JEMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH!

"Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredaaan) Allah dan (balasan) baik hari akhirat, serta dia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang)."

Demikianlah mafhum firman Allah dalam surah al-Ahzab ayat 21, yang menganjurkan umat manusia terutama sekali orang Islam supaya menjadikan Nabi Muhammad SAW sebagai contoh ikutan dalam semua aspek kehidupan. Baik dalam soal ibadat, muamalat, bekerja mahupun dalam soal kekeluargaan dan pemerintahan Baginda harus kita jadikan contoh ikutan jika menginginkan kejayaan dan keredaan Allah SWT.

Dalam erti kata lain, apa yang diperintah dan dilarang oleh Nabi SAW wajib kita taati sepenuhnya kerana itu adalah jalan takwa yang akan menghampirkan kita kepada Allah SWT. Firman Allah:

...وَمَا آتَاكُمُ الرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا نَهَاكُمْ عَنْهُ فَانْتَهُوا^ج وَاتَّقُوا اللَّهَ^ط إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ﴿٧﴾

Maksudnya: "...Dan apa jua perintah yang dibawa oleh Rasulullah kepada kamu maka terimalah serta amalkan, dan apa jua yang dilarangnya kamu melakukannya maka patuhi larangannya. Dan bertakwalah kamu kepada Allah; sesungguhnya Allah amatlah berat azab seksa-Nya bagi orang yang melanggar perintahnya." (S. Al-Hasyr: 7).

Sehubungan itu, pendekatan wasatiyyah atau amalan kesederhanaan Nabi SAW dalam pelbagai urusan seharusnya kita jadikan sebagai prinsip pedoman khususnya dalam membina kesatuan ummah di persada ibu pertiwi tercinta yang berbilang kaum, agama dan budaya ini. Selaku penduduk terbesar negeri ini, umat Islam perlu terlebih dahulu bersatu dengan mengukuhkan hubungan persaudaraan sesama saudara Islam yang ditunjangi oleh asas akidah Islamiah sejajar dengan sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: "Seorang Muslim adalah saudara kepada Muslim yang lain, tidak menzaliminya dan tidak membiarkan ia dizalimi. Barang siapa yang berusaha untuk memenuhi hajat saudaranya, maka Allah akan membantu dan mempermudah hajatnya." (HR Muslim)

Dalam kerangka memperkukuhkan persaudaraan dan menyatupadukan ummah, Allah SWT memerintahkan kita supaya menjauhi perselisihan faham dan permusuhan dengan berpegang teguh kepada agama Islam sebagaimana firman-Nya:

وَأَعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا...

Yang bermaksud: “Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah (agama Islam), dan janganlah kamu bercerai-berai...” (S. Ali-Imraan: 103).

Kita diperintahkan supaya berpegang teguh dengan agama Islam kerana Islam sajalah agama yang diredai dan satu-satunya agama yang betul lurus di sisi Allah SWT dan menjadi wadah berkesan menyatupadukan ummah. Sesiapa yang mencari jalan lain selain Islam, maka dia akan sesat dan rugi serugi-ruginya.

JEMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH!

Hanya dengan bersatu padu, umat Islam akan menjadi lebih kuat dan berupaya menangani segala cabaran semasa. Sebaliknya jika umat Islam terus berbalah dan bersengketa, maka umat Islam akan menjadi lemah dan porak-peranda. Justeru, dalam menyimpulkan khutbah ini, ayoh kita di sini, hari ini, bersama, menetapkan diri untuk berubah dan memulakan tugas membina kesatuan ummah dengan menjadikan wasatiyyah sebagai prinsip dan hijrah sebagai semangat untuk memacu kita memburu kebahagiaan di dunia dan kebahagiaan di akhirat secara berimbang ke arah mencapai kemenangan yang hakiki. Firman Allah:

❖ وَمَنْ يَهَاجِرْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ يَجِدْ فِي الْأَرْضِ مُرَاعِمًا كَثِيرًا وَسَعَةً وَمَنْ تَخْرُجْ مِنْ بَيْتِهِ مُهَاجِرًا إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ ثُمَّ يُدْرِكْهُ الْمَوْتُ فَقَدْ وَقَعَ أَجْرُهُ عَلَى اللَّهِ وَكَانَ اللَّهُ غَفُورًا رَحِيمًا ﴿١٠٠﴾

Yang bermaksud: “Dan sesiapa yang berhijrah pada jalan Allah (untuk membela dan menegakkan Islam), nescaya dia akan dapati di muka bumi ini tempat berhijrah yang banyak dan rezeki yang makmur; dan sesiapa yang keluar dari rumahnya dengan tujuan berhijrah kepada Allah dan Rasul-Nya, kemudian dia mati (dalam perjalanan), maka sesungguhnya telah tetap pahala hijrahnya di sisi Allah, dan (ingatlah) Allah Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani.” (S. (S. An-Nisaa’: 100).

بَارِكْ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ , وَنَفَعْنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ , وَتَقَبَّلْ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ , أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَاسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلسائرِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فِيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِيْنَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِيْنَ.



Diedar oleh:
Bahagian Penyelidikan dan Informasi
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah